

▼09/12/13-57MST

U GB 09-12 00217 BA828

aab

LIMA - Mahathir

PEMBELIAN MiG-29 BUKAN KESILAPAN, KATA MAHATHIR

J

LANGKAWI, 9 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak fikir kerajaan telah membuat kesilapan dengan memilih pesawat pejuang Rusia MiG-29 untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Perdana Menteri berkata dilihat daripada penyertaannya pada pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '93 di sini, empat buah pesawat MiG-29 itu telah menunjukkan prestasi yang hebat dan mengagumkan.

"Pesawat-pesawat itu (empat MiG-29) telah menunjukkan kehebatannya... jadi kita rasa kita tidak membuat kesilapan dengan memilih MiG-29 itu," kata beliau.

MiG-29, yang akan memainkan peranan penting dalam sistem pertahanan udara Malaysia pada masa akan datang, menjadi tumpuan perhatian umum pada pameran penerbangan dan statik itu walaupun dengan kehadiran pesawat pejuang Amerika F/A-18 Hornet yang juga akan dibeli oleh TUDM.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, tempat berlangsungnya pameran selama enam hari itu, selepas menemui perwakilan peringkat tinggi Rusia yang diketuai oleh Timbalan Menteri Luar Pertama Ivan Matezov dan Panglima Tertinggi Tentera Udara Rusia Peotz Deynekin.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jun lepas mengumumkan bahawa kerajaan akan membeli 18 buah pesawat MiG-29 menurut pekej yang berharga beribu juta ringgit, yang juga merangkumi satu program perseimbangan. -- Lagi.

▼09/12/13-05MST

U GB 09-12 00153 BA836

aab

LIMA - Mahathir 2 (Akhir) Langkawi

Najib telah menyatakan bahawa pengeluar pesawat itu, Mikoyan Design Bureau, sudah bersetuju untuk menerima sebahagian daripada pembayaran dalam bentuk wang dan sebahagian lagi berupa komoditi.

Dr Mahathir berkata beliau yakin bahawa kontrak pembelian berkenaan akan ditandatangani tidak lama lagi.

Katanya, bagi kerajaan keputusan itu sudah dibuat dan kini terserahlah kepada pakar-pakar teknikal kerana "mereka lebih tahu apa yang perlu dibeli."

"Jika kita mempunyai lebih banyak wang, memanglah kita mahu beli lebih banyak lagi (MiG-29)," kata beliau apabila ditanya sama ada Malaysia bercadang untuk menambah pembelian pesawat itu pada masa akan datang.

Dr Mahathir juga berkata bahawa kerajaan ingin mempertingkatkan kontraknya dengan Rusia, terutama dalam bidang kerjasama perdagangan dan ekonomi.

"Kita tidak mempunyai perselisihan dengan Moscow, jadi sudah tentulah kita ingin meningkatkan lagi perhubungan kita," he added. -- Bernama

ZV LDB NMO

▼09/12/13-48MST